



قَوَاعِدُ كَاسِرٍ

PERKASA

EDISI KEDUA SEMPENA HARI ULANG TAHUN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KE - 63 TAHUN

KELUARAN 02 | 31 MEI 2024

Perpaduan & Kerjasama







KETUA PENYUNTING

MEJAR AWANG MOHAMMAD EDHAM BIN HAJI AWANG HARLIP

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ



Alhamdulillah, syukur dipanjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, dengan izin-Nya jua, Markas Angkatan Bersama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MAB ABDB) telah berjaya menerbitkan majalah keluaran kedua sempena sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang Ke-63.

PERKASA merupakan majalah MAB ABDB yang mengisahkan perjalanan, kegiatan dan usaha MAB ABDB dalam menyumbangkan khidmat bakti kepada ABDB khususnya dan Negara Brunei Darussalam amnya. Majalah ini akan menggambarkan kegiatan-kegiatan bermula pada tahun 2023 hingga sekarang.

Akhirulkalam, dikesempatan ini saya berserta komiti majalah ini ingin mengucapkan selamat membaca dan berharap agar penerbitan keluaran kedua ini akan dapat mencerminkan serta bayangan mengenai perkembangan serta pencapaian-pencapaian yang telah terlaksana. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan khusus kepada Ahli Jawatankuasa Majalah yang telah menyumbangkan gagasan, tenaga dan masa dalam sama-sama menjayakan penerbitan Edisi Kedu majalah PERKASA ini. Sekian, Wassalam.

وابیحي توفيق والهدایة والسلام علیکم ورحمة اللّٰه وبارکاته

ISI KANDUNGAN

PENDAHULUAN

- 01 - Nota Ketua Penyunting & Ahli Komiti
- 02 - Sekapur Sirih

Segmen Khas

- 03-04 - Wawancara bersama Pemerintah AB Pertama

DALAM NEGERI

- 05-06 - Sekuriti Maritim & Sempadan Darat
- 07 - Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja 2024
- 08 - Joint Operations and Exercises Sub-Committee (JOESC)
- 09 - Indo-Pacific Endeavour (IPE)
- 10 - Cooperation Afloat Readiness Training (CARAT)
- 11 - Multinational Communications Interoperability Program (MCIP)
- 12 - Ekseksais Pertahanan Siber

LUAR NEGERI

Segmen Khas

- 13-14 - Kenangan di Bumi Mindanao
- 15 - Independent Decommissioning Body Verification and Monitoring Assistance Team (IDB VMAT) 5/2023
- 16 - Malaysian Batalion 850-10 (MALBATT 850-10) United Nation Interim Force in Lebanon
- 17-18 - World Border Security Congress, Asian Defence Minister Meeting, Cyber Security Program
- 19 - Southeast Asia Cooperation Training (SEACAT) 23/2023
- 20-21 - Ekseksais-Ekseksais Luar Negeri, Kursus & Bengkel Luar Negeri

AKTIVITI MAB ABDB

- 23 - HUT MAB ABDB ke-16 Tahun
- 24-25 - Majlis Perpisahan & Pertukaran Pegawai
- 26-27 - Lawatan-Lawatan & Kunjungan Hormat
- 28-29 Suasana Bulan Sya'ban Ramadhan & Syawal 1445H
- 30 - Majlis Anak-Anak Cemerlang ABDB, Majlis Sentuhan Kasih Anak-Anak Yatim ABDB
- 31 - Acara Sahur & Sambutan Hari Raya MAB ABDB
- 32 - Sesi Bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II Secara Maya
- 33 - Majlis Nenaikan Pangkat
- 34-35 - Sukan & Riadah

AHLI KOMITI

PENAUNG

Kolonel (U) Hismawadi bin Haji Mohammad Said

PENASHAHAT

Leftenan Kolonel Haji Fadzli bin Haji Abdullah

KETUA PENYUNTING

Mejar Awang Edham bin Haji Awang Harlip

TIMBALAN KETUA PENYUNTING

Mejar Ahmad Bohare bin Haji Mansor

PENULIS:

Mejar Hafidz Naquiyudden bin Lamat - **Ketua**
Mejar Mohammad Alihassan bin Haji Japar
Leftenan Komander Dyg Norlaila binti Haji Awang Harlip, TLDB
Leftenan Komander Muhammad Hakim bin Haji Basman, TLDB
Kapten Zulkabir bin Mohd Daud
Kapten (U) Ahmad Farhan bin Haji Mohd Saifulizan
Kapten Abdul Kadir Jalani bin Haji Ahmad
Leftenan Nur Mahirah binti Haji Abas, TLDB
Leftenan Fauziah binti Sabli
Leftenan Dk Nurul Hidayatul Aqilah binti Pg Ibrahim
Leftenan Nurhamizah Qasrina binti Haji Osman
Leftenan Dk Noor Amal Hazirah binti Pg Harun
Leftenan Amira Nur'ezzati binti Jali

PENULIS LUAR

Komander Mohammad Zoudhy bin Haji Abdul Razak, TLDB - **IDB VMAT 5/23**
Mejar Mohammad Hafizi bin Sabli - **MALBATT 850-11 UNIFIL**

REKA BENTUK

Mejar Dk Hjh Siti Noraishah binti Pg Haji Tajudin - **Ketua**
Kapten Nurermah binti Haji Mohd Riduan
Kapten (U) Zulhafliz Zariq bin Raneer
Leftenan Dayang Basirah Atiqah binti Haji Apandi
Lans Koperal Muhammad Qamarul Arifin bin Minor Absah
Lans Koperal Nurul Aqilah binti Haji Aminarip
Lans Koperal Azimatunaemah binti Simat

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



Alhamdulillah, Markas Angkatan Bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MAB ABDB) dengan bangganya menampilkan Majalah PERKASA edisi kedua sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB ke-63 tahun pada tahun ini. Edisi ini merupakan batu loncatan untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang organisasi ini. Dalam edisi kali ini buat pertama kalinya wawancara bersama dengan Mantan Pemerintah MAB ABDB yang pertama iaitu Yang Mulia Kol (B) Pengiran Dato Paduka Haji Rosli bin Pengiran Haji Chuchu yang telah berkongsi sedikit cabaran yang dihadapi semasa memegang tampuk pemerintahan MAB ABDB.

Menelusuri sejarah titik permulaan sebenar penubuhan MAB ABDB lebih awal adalah sebelum penubuhannya diukirkan pada 14 Disember 2007 semasa Latihan Bersama besar-besaran yang dilaksanakan diantara ABDB dan British Armed Forces pada tahun 1997. Sejak itu, terdapat penambahbaikan yang telah menjadi titik fokus bagi perintah dan kawalan (*Command and Control*). Tugas dan tanggungjawab organisasi ini bukan sahaja tertumpu kepada gabungan didalam unit-unit ABDB sahaja tetapi juga kerjasama bersama agensi-agensinya penguatkuasaan kerajaan lainnya serta rakan kongsi serantau dan antarabangsa. Kesemua ini sejajar dengan hasrat yang telah dinyatakan didalam Kertas Putih Pertahanan 2007 – *Shaping The Force Today* (DWP2007).

Sejak 17 tahun yang lalu, MAB ABDB telah banyak mencapai kemajuannya seperti penempatan semula pejabat kerja ke blok menara Kementerian Pertahanan (KEMENTAH), penubuhan Pusat Doktrin dan Peperangan Bersama (JDWC) dan yang terkini adalah penubuhan Unit Pertahanan Siber (UPS). Walaubagaimanapun, untuk menghadapi perubahan pesat dan cabaran persekitaran operasi yang kontemporari, penyusunan semula dan pengembangan MAB ABDB selanjutnya dalam masa terdekat amat diperlukan. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaannya dalam rangkaian Operasi Bersepadu dengan lebih berkesan dan mampan. Dengan peningkatan ini, setentunya integriti wilayah, keselamatan dan keamanan Negara Brunei Darussalam akan lebih kukuh dan terjamin didalam mengekalkan kestabilan serantau selaras dengan Wawasan 2035.

Buat akhirnya, tahniah dan terima kasih diucapkan kepada komiti penyunting kerana berjaya menghasilkan majalah MAB ABDB PERKASA edisi Kedua pada tahun ini. Sehingga berjumpa dikeluarkan yang akan datang.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهَدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**KOLONEL (U) HISMAWADI BIN HJ MOHAMAD SAID
PEMANGKU PEMERINTAH ANGKATAN BERSAMA
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI**

PEMERINTAH-PEMERINTAH ANGKATAN BERSAMA



KOLONEL (B) PENGIRAN DATO
PADUKA HAJI ROSLI
BIN PENGIRAN HAJI CHUCHU



KOLONEL (B) HAJI
ZAINAL ARIFFIN BIN
DATO PADUKA HAJI
AHMAD



LAKSAMANA PERTAMA (B)
DATO SERI PAHLAWAN
ABDUL AZIZ BIN
IQ MOHD TAMI



MUZIRI JENERAL (A) (B)
DATO SERI PAHLAWAN
HAJI HAMZAH BIN HAJI
SAIF



BRIGEDIER JENERAL (U)
DATO SERI PAHLAWAN
MOHAMMAD SHARIF BIN
DATO PADUKA HAJI
IBRAHIM



BRIGEDIER JENERAL (B)
DATO SERI PAHLAWAN
HAJI ABDUL RAZAK BIN
HAJI ABD KADIR



BRIGEDIER JENERAL (B)
DATO SERI PAHLAWAN
HAJI ALZULPENDI BIN HAJI
PERUDIN

PENDAHULUAN

Pada awalnya, Operasi Bersama (*Joint Operations*) ABDB sememangnya telah wujud sebelum perubahan Markas Angkatan Bersama (MAB) ABDB. Tapak bangunan lama MAB ABDB terletak di belakang COMCEN Bolkiah Garison yang pada masa ini adalah Dewan Gerak Badan baru Bolkiah Garison. Sel-sel operasi diwakili oleh pegawai-pegawai gerakan dari setiap unit Angkatan Tentera yang hanya dilengkapi dengan beberapa peta, carta serta peralatan komunikasi asas.

Pada tahun 1997, Operasi Bersama kemudian dikenali sebagai Pusat Gerakan Bersama (PGB) telah diperkenalkan. PGB pada masa itu hanya mampu berhubung terus dengan anggota-anggota dan aset-aset yang sedang beroperasi sahaja dengan kemampuan yang terbatas. Sungguh demikian, PGB telah dapat melaksanakan tugas bersepadu dengan agensi-agensinya penguatkuasa keselamatan dalam bekerjasama memastikan keselamatan dan keamanan NBD. Pada tahun yang sama PGB juga telah terlibat dalam mengendalikan Eksekutif Setia Kawan diantara NBD dan *British Armed Forces*.

Selaras dengan Kertas Putih Kementerian Pertahanan (*DWP Update 2007*), MAB ABDB dengan rasminya ditubuhkan pada 14 Disember 2007. Semenjak penubuhannya MAB ABDB telah berjaya dalam menerajui beberapa siri eksekutif seperti Hikmat Bersatu (HB) bagi ABDB, Eksekutif Pensai Kebangsaan diperingkat nasional dan Eksekutif *Humanitarian Assistance Disaster Relief (HADR)* diperingkat ASEAN Defence Ministerial Meeting (ADMM) di NBD.

Sumber maklumat: Kol (U) Hismawadi bin Haji Mohammad Said, Pmk Pemerintah AB



WAWANCARA PEMERINTAH ANGKATAN BERSAMA PERTAMA

YANG MULIA
KOLONEL (B) PENGIRAN DATO PADUKA HAJI ROSLI
BIN PENGIRAN HAJI CHUCHU
DPMB, PNB, NDC, PSC

Penulis : Mej Awg Mohd Edham bin Hj Awg Harlip &
Mej Ahmad Bohare bin Haji Mansor

LATAR BELAKANG

Yang Mulia Kol (B) Pengiran Dato Paduka Haji Rosli bin Pengiran Haji Chuchu telah berkhidmat bermula dari 01 Mei 1980 hingga 31 Disember 2011 iaitu lebih kurang selama 31 tahun 8 bulan. Dalam jangka masa itu, Yang Mulia Pengiran Dato pernah ditugaskan di Batalion Pertama (1980-1985 & 2000-2001), Batalion Kedua (1985-1987 & 1990-1992) dan Batalion Ketiga (1999-2000). Selain daripada itu, beliau juga pernah ditugaskan di Kompeni Rekrut (1987-1990) dan Cawangan Latihan Pegawai (1981) di Sekolah Pengajian, IL ABDB. Berpengalaman apabila pernah mengikuti misi *United Nations Transitional Authority in Cambodia (UNTAC)* sebagai pemerhati. Antara tanggungjawab dan amanah yang besar pernah beliau jawat adalah apabila dilantik untuk memegang tampuk pemerintahan sebagai Pemerintah TDDB yang ke-6 bermula dari tahun 2005 hingga 2007 dan kemudian selepas itu, barulah dilantik sebagai Pemerintah AB yang pertama pada 2009.

1. APAKAH KEUTAMAAN YANG MULIA PENGIRAN DATO SETELAH MEMEGANG TAMPUK KEPIMPINAN SEBAGAI PEMERINTAH ANGKATAN BERSAMA?

Hasrat Yang Mulia Pengiran Dato sewaktu memegang tampuk kepimpinan adalah bagi semua pegawai-pegawai dan anggota-anggota yang ditempatkan di MAB ABDB untuk meningkatkan kerjasama dalam mengatasi cabaran-cabaran yang sedang dan bakal dihadapi sebagai sebuah organisasi baru. Beliau bersyukur kerana kejayaan ini adalah kerana semangat *Esprit De Corps* dan kerjasama yang tidak berbelah bahagi pada masa itu, MAB ABDB mampu melaksanakan tugas yang diamanahkan dan sepanjang dua tahun di MAB ABDB, *groundwork* ataupun asas organisasi dapat ditubuhkan dan diperbaiki dari masa ke semasa. Beliau mengingatkan juga bahawa cabaran-cabaran isu serantau dan antarabangsa pada 17 tahun kebelakangan adalah tidak sama dengan isu-isu pada masa ini yang semakin kompleks dan rumit. Pegawai-pegawai dan anggota-anggota MAB ABDB perlu lebih giat menyesuaikan ataupun *adapt* dengan perubahan semasa kearah menyokong dan memastikan keselamatan didalam dan luar negara.

2. APAKAH ANTARA CABARAN-CABARAN YANG MULIA PENGIRAN DATO YANG DIHADAPI KEARAH PENUBUHAN MAB?

Lantikan Yang Mulia Pengiran Dato sebagai Pemerintah AB Pertama adalah merupakan satu penghormatan yang tinggi yang telah dikurniakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam. Yang Mulia Pengiran Dato memberi pandangan bahawa PGB pada masa itu masih diperingkat *infant stage* yang sudah semestinya menghadapi berbagai cabaran yang perlu diambil perhatian dan diatasi terlebih dahulu. Sehubungan dengan itu, Yang Mulia Pengiran Dato bercita-cita tinggi untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran pegawai-pegawai dan anggota-anggota yang masih baru menerajui sebuah 'unit' atau 'jabatan' yang baru ditubuhkan.

Selain daripada itu, Yang Mulia Pengiran Dato berpendapat cabaran besar pertama dalam memimpin Pusat Gerakan Bersama adalah jumlah keanggotaan yang tidak mencukupi untuk mengisi perjawatan-perjawatan yang ada di MAB ABDB. Apa lagi dalam usia yang masih diperingkat awal, MAB ABDB adalah bertanggungjawab dan berhati-hati dalam membuat sebarang penilaian dan pertimbangan dalam melaksanakan koordinasi bagi menyatukan unit-unit dalam operasi gerakan. Sehubungan dengan itu, Yang Mulia Pengiran Dato menekankan seiring dalam mengisi perjawatan-perjawatan kedalam unit ini, sudah semestinya memerlukan pegawai-pegawai dan anggota-anggota yang berkualiti dan mempunyai kepakaran untuk mengawal dan melaksanakan tugas ditahap yang kritikal.

Cabaran kedua adalah dalam menerbitkan atau meneliti tugas baru di MAB ABDB. Pelbagai peraturan serta Prosedur-Prosedur Tetap perlu dilaksanakan. Ini memerlukan penglibatan dari unit-unit ABDB untuk menyumbang kearah sebuah organisasi yang dapat beroperasi dengan lebih cekap, selamat, dan berkesan. Ini belum termasuk proses yang lama untuk menaiktaraf teknologi PGB dan sebagainya.

Seterusnya Yang Mulia Pengiran Dato mengetengahkan tentang cabaran keperluan menerapkan peraturan-peraturan serta Prosedur-Prosedur Tetap dikalangan anggota-anggota dan kakitangan MAB ABDB dan memastikan setiap individu memahami dengan lebih dalam mengenainya agar setiap penugasan dilaksanakan dengan betul dan lebih berkesan.

3. APAKAH NASIHAT YANG MULIA PENGIRAN DATO BAGI GENERASI BAHARU BAGI MAB KHUSUSNYA DAN ABDB AMNYA?

Akhir sekali, Yang Mulia Pengiran Dato ingin sama mengingatkan bahawa sememangnya hasil pencapaian MAB ABDB pada masa ini adalah atas pengorbanan dari segi masa, usaha dan komitmen yang tidak terbelah bahagi daripada pegawai-pegawai dan anggota-anggota yang terlibat dari sejak awal penubuhan MAB ABDB sehinggalah sekarang ini. Bagi pegawai-pegawai dan anggota-anggota yang akan dan sedang bertugas di MAB ABDB adalah dinasihatkan untuk sentiasa melaksanakan perintah dan tugas yang diberikan dengan sebaik-baiknya dan Insya Allah, MAB ABDB amnya serta warga-warganya akan sentiasa maju jaya dalam apa juga cabaran yang akan dihadapi. Sekian, terima kasih.

KEKAL KEAMANAN KESELAMATAN ESEJAHTERAAN

BERKAT USAHA BERSEPADU

Penulis: Lt Nur Mahirah binti Haji Abas, TLDB
& Kpt Abdul Kadir Jalani bin Haji Ahmad



“Kejayaan kita dalam mengekalkan keamanan, keselamatan dan kesejahteraan dalam tempoh yang lama ini adalah berkat usaha bersepadu dan dengan izin Allah dan semoga sambutan kali ini akan mengukuhkan lagi patriotisme dalam kalangan generasi masa kini selaku rakyat dan penduduk yang taat setia lagi gigih untuk membawa negara mencapai Wawasan Brunei 2035”

Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sempena Tahun Baru Masihi 2024



“As the lead agency responsible for national security policies in Brunei Darussalam, the Prime Minister’s Office will continue to use a “Whole-of-Nation” and “Whole-of-Government” approach in addressing transnational criminal activities that have the potential to affect the safety and security of the people”

Stated by the Minister at the Prime Minister’s Office
Pehin Datu Laila Maharaja Major General (Rtd)
Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof,
the Chairman of the National Security Committee at the Plenary
Session of the 16th ASEAN Ministerial Meeting
on Transnational Crime (AMMTC)

NASIONAL

SEKURITI MARITIM RONDAAN BERSEPADU



Operasi ini menekankan kepada misi mencegah, membentasi dan membendung kegiatan-kegiatan jenayah atau kegiatan-kegiatan haram. Operasi ini adalah usaha berterusan daripada agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasa undang-undang di negara ini.

Rondaan atau operasi akan terus dipertingkatkan di perairan NBD untuk menjaga keselamatan aset-aset yang berharga seperti pelantar-pelantar minyak yang banyak menyumbang hasil minyak dalam memacu kepada pertumbuhan ekonomi negara ini.



Rondaan telah berjaya mematahkan percubaan penyeludupan barangan tegahan yang berlaku di perairan Teluk Brunei. Ini akan terus ditingkatkan dalam menangani apa juga aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Kearah mendokong aspirasi Wawasan 2035 melalui **Whole of Government Approach**, agensi-agensi keselamatan, badan kerajaan serta swasta perlu mengambil peranan dan berkerjasama membanteras ancaman-ancaman yang menjejaskan keselamatan di NBD.

WOGA



**PENINGKATAN
TAHAP
KESELAMATAN
SEKURITI
SEMPADAN
DARAT
MELALUI
OPERASI
RONDAAN
SEPADU**

Eksesais Bangau Putih III adalah latihan kecemasan nahas pesawat dijalankan oleh Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi yang melibatkan beberapa agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan yang berganding bahu dalam menangani kemalangan pesawat. ABDB adalah salah satu agensi yang akan diaktifkan melalui MAB untuk memberikan bantuan kecemasan. Eksesais ini bertujuan untuk menyelaraskan *Standard Operating Procedure (SOP)* dalam Pelan Kecemasan Lapangan Terbang 2023; **OPS ANGKASA**.

NASIONAL



Usaha aktif bersepadu yang berterusan diantara ABDB bersama agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasa NBD melalui operasi/rondaan sepadan dalam membanteras dan mengekang aktiviti-aktiviti jenayah rentas sempadan dan kegiatan yang menyalahi undang-undang NBD melalui kawasan-kawasan sempadan NBD yang dinilai *hotspot* telah membantu meningkatkan lagi tahap keselamatan dan sekuriti NBD khususnya di sempadan-sempadan darat.

Penulis: Lt Nur Mahirah binti Haji Abas, TLDB



KEMENTERIAN PERTAHANAN & ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI TIDAK TERKECUALI DALAM MENJAYAKAN ISTIADAT PERKAHWINAN DIRAJA 2024

Penulis: Leftenan Nur Mahirah binti Haji Abas, TLDB



Bersempena Istiadat Perkahwinan Diraja diantara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam bermula pada 07 Januari 2024 hingga 16 Januari 2024, Kementerian Pertahanan dan ABDB telah sama-sama menjayakan acara penuh istiadat dan gilang gemilang tersebut. ABDB selaku Ahli Jawatankuasa Keamanan dan Keselamatan berserta Ahli Jawatankuasa Kerja Keamanan dan Keselamatan telah membuat perancangan awal melalui pemesyuaratan-pemesyuaratan bersama agensi-agensi kerajaan. Inisiatif-inisiatif hala tuju termasuk pelaksanaan *Table-Top Exercise (TTX)*, *Command Post Exercise (CPX)* dan *Field Training Exercise (FTX)* dan raptai khususnya bagi kawalan benteng yang telah bermula sejak bulan Ogos 2023 iaitu sebelum pengumuman rasmi.



Perancangan awal ini telah membantu dalam mengenapasti jurang dan kelemahan yang perlu diambil tindakan bagi menambahbaik pelaksanaan operasi agar lebih teratur, lancar dan sempurna terutama sekali semasa acara sebenar. Manakala, bagi raptai awal kawalan benteng telah membantu petugas-petugas memahami akan skop tugas masing-masing lebih awal terutama sekali dalam pengawalan orang awam semasa berlangsungnya Istiadat Perkahwinan Diraja.

Pencapaian dalam kelancaran dan kesempurnaan pelaksanaan tanggungjawab dan tugas yang diamanahkan ini adalah hasil daripada kerjasama, profesionalisme, dedikasi serta sokongan daripada semua pihak agensi-agensi yang terlibat. Lanya secara tidak langsung telah melakarkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kehadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Selain daripada itu juga, terbukti pendekatan antara agensi melalui *'Whole of Government Approach'* dalam mendokong Wawasan Brunei 2035 adalah sangat penting dalam mencapai matlamat dengan lebih cekap dan berkesan.





KESATUAN DALAM MELAKSANAKAN EKSESAIS BERSAMA



EKSESAIS *INDO-PACIFIC ENDEAVOUR* 04 / 2024

Lawatan Rasmi daripada Commodore Michael John Harris, Royal Australian Navy (RAN), *Commander Indo-Pacific Endeavour 2024 (IPE 24)* ke NBD serta delegasi daripada *Australian Defence Force (ADF)* pada 30 April 2024.

Penulis: Mej Ahmad Bohare bin Haji Mansor



ABDB dan ADF serta para perancang daripada TDDB, TLDB, TUDB, Pejabat Perundangan Tentera dan JAMA'AT telah membincangkan konsep awal ekseksais dua-hala yang akan melibatkan ABDB serta agensi-agensinya kerajaan. Program tersebut melibatkan sesi bertukar pendapat ataupun *SMEE* seperti *Maritime Security*, *International Law* dan subjek keugamaan bagi *IPE 24* yang dirancang pada bulan September 2024.



LEGAL SMEE



WOMEN
PEACE
SECURITY
SEMINAR

MARKAS ANGKATAN BERSAMA
SEKUTUAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

PERUSAHA PE

LAWATAN DELEGASI
ADF IPE 03/2023

ADU A BERSAMA 09

EKSESAIS COOPERATION AFLOAT READINESS & TRAINING 30 / 2024 CARAT

Penulis: Mej Ahmad Bohare bin Haji Mansor
& Lt Amira Nur'ezzati binti Jali



Pada tahun 2023 Ekseksais CARAT ke-29, Kapal *United States Coast Guard Cutter (USCGC) Munro* pertama kali terlibat dalam ekseksais ini. Ekseksais ini telah mempamerkan kejayaan melalui pengendalian kegiatan di laut, udara dan darat. Ini termasuklah program bertukar kepakaran (SMEE) seperti Perundangan Tentera, Kesedaran Maritim (MDA), Perubatan, Latihan Perlindungan Pasukan (*force protection*), *Maritime Aviation Practices*, *Expeditionary Mine Countermeasures (Expd MCM)*, Program Interaksi Wanita dan Pancaragam. Selain daripada itu, persembahan muzik dan titian amal telah berlangsung di Pusat Perkembangan Kanak-kanak, Kiarong dan persembahan awam di *One City Shopping Centre*, Salambigar.

Initial Planning Conference (IPC) bagi CARAT ke-30 juga telah dilaksanakan pada 15 dan 16 Mei 2024. Tahun ini kapal jenis *Destroyer United States Navy (USN)* daripada *7th Fleet* telah dirancang untuk datang ke Brunei Darussalam dan akan digunakan semasa fasa laut nanti dan pada kali ini juga dimuatkan program SMEE yang baru iaitu *Cyber Security* dan *Media & Public Affair*. Manakala, pelaksanaan Ekseksais CARAT pada tahun ini dijadualkan berlangsung pada pertengahan bulan November 2024.



MARKAS ANGKATAN BERSAMA
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

PERKASA PERPADUAN & KERJASAMA 10

SHORE - PHASE

BENGGKEL *PLANNING STAFF WORKSHOP 1, MULTINATIONAL COMMUNICATIONS INTEROPERABILITY PROGRAM (PSW1, MCIP)*

Penulis: Lt Fauziah binti Sabli



Bengkel *Planning Staff Workshop 1, Multinational Communications Interoperability Program (PSW 1, MCIP)* telah diadakan di Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama antara *United States Indo-Pacific Command J6 (USINDOPACOM J6)* dan *J6 Perhubungan Sistem Maklumat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (J6 PSM ABDB)* bertempat di *Radisson Hotel Brunei Darussalam* pada 04 Mac hingga 08 Mac 2024.

MCIP adalah sebuah organisasi ketenteraan yang melibatkan berbagai negara di Asia Pasifik yang diterajui dan dikoordinasikan oleh pihak *USINDOPACOM J6*.

USINDOPACOM J6 sebagai pengerusi bersama mengendalikan dua bengkel dengan negara penganjur sebelum acara kemuncaknya iaitu eksekutif *Pacific Endeavour (PE)* yang menyasarkan kepada kepakaran dan kemahiran unit-unit semboyan dan perhubungan komunikasi angkatan tentera diperingkat strategik dan operasi khususnya di rantau Asia-Pasifik. Bengkel selama lima hari ini dihadiri oleh lapan belas buah negara-negara ahli *MCIP* ini dengan jayanya dan sempurna dikendalikan oleh pengerusi bersama iaitu Lt Kol Pg Muhammad Khairollah bin Pg Haji Zainal, Pegawai Turus *J6 Komunikasi & Sistem Maklumat, MAB ABDB* dan Kolonel Frank A. Theising, Ketua *Chief Partner Interoperability and Engagements Division (J69), Headquarters USINDOPACOM, United States Air Force*.





EKSESAIS PERTAHANAN SIBER MARKAS ANGKATAN BERSAMA



Penulis: Kpt (U) Zulhaffiz Zariq bin Rancee



Unit Pertahanan Siber (UPS) MAB ABDB buat julung kalinya telah mengendalikan Eksemais Pertahanan Siber (*CDEX 2023*). Eksemais ini telah berlangsung di Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah (IPPSSHHB) selama dua hari bermula 23 Mei 2023 hingga 24 Mei 2023. Eksemais pada hari pertama berasaskan kepada senario dan pada hari kedua "*Capture-the-Flag*" (*CTF*). Tujuan eksemais ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada peserta-peserta yang terlibat tentang prosedur yang betul dalam menangani insiden-insiden siber. Eksemais ini juga adalah untuk menilai tindak balas para peserta serta menguji kemahiran dan kebolehan terhadap insiden keselamatan siber. Pembukaan Eksemais *CDEX 2023* telah dihadiri oleh Lt Kol Aldi bin Haji Hassan, Pemangku Timbalan Pemerintah AB ABDB selaku Tetamu Kehormat. Manakala penyampaian hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang bagi pertandingan *CTF* telah disampaikan oleh Tetamu Kehormat Yang Mulia Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin diacara penutupan Eksemais *CDEX 2023*.






KENANGAN BUMI MINDANAO PASUKAN PEMANTAU ANTARABANGSA 2004-2023



19 tahun mendokong keamanan di Mindanao

Segmen khas ini adalah sebagai dedikasi kepada Pasukan Pemantau Antarabangsa Mindanao (PPA-M) atau "International Monitoring Team" yang telah melaksanakan tugas selama 19 tahun bermula tahun 2004 hingga 2023. Sebanyak 18 PPA-M telah dikerahkan dan berkhidmat dalam memantau, menyelia, mengesahkan dan melaporkan penguatkuasaan bersama Penghentian Permusuhan (*ceasefire*) di antara kerajaan Republik Filipina dan *Moro Islamic Liberation Front (MILF)*. PPA-M memainkan peranan penting dalam memupuk keamanan di bumi Mindanao. Selain itu, PPA-M juga melaksanakan tugas-tugas seperti mesyuarat bersama *stakeholders*, menjalankan tinjauan dan menyediakan tugas pengiring semasa lawatan operasi. Dedikasi PPA-M menjadi bukti yang signifikan dalam bekerjasama dan diplomasi bagi mencapai keamanan yang berkekalan.

Penulis: Maj Ahmad Bohare bin Haji Mansor & Lt Nurhamizah Qasrina binti Haji Osman



LANAO
MASSACRE

2004

IMT ESTABLISHED

2006

JAPAN
JOINED

2008

IMT SUSPENDED
EXCEPT NBD

2010

IMT
RESUME

2011

NORWAY
JOINED

2012

INDONESIA
JOINED



PPA-M1



PPA-M2



PPA-M3



PPA-M4



PPA-M5



PPA-M6



PPA-M7



PPA-M8



PPA-M9



PPA-M10



PPA-M11



PPA-M12



PPA-M14



PPA-M15



MARAWI SIEGE



BARHM INAUGURATION



2014 CAB AGREEMENT

2017 IMT ACTIVITIES LIMITED

2018 INDONESIA WITHDRAWS

2019 IDB TEAM ESTABLISHED

2023 IMT MANDATE ENDS



PPA-M16



PPA-M17/18

SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN AND TERIMA KASIH DI ATAS SEGALA PENGORBANAN, SUMBANGAN DAN JASA YANG TELAH DICURAHKAN



MARKAS ANGKATAN BERSAMA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

PERKASA | PERPADUAN & KERJASAMA 14

**INDEPENDENT
DECOMMISSIONING BODY
VERIFICATION AND
MONITORING ASSISTANCE
TEAMS (IDB VMAT) 5**



**Penulis: Georgi Engelbrecht Philippine Senior Analyst
& former IMT International Humanitarian Law**

"The militants targeted by recent security operations were not part of the 2014 Peace Agreement between the government of the Philippines and the Moro Islamic Liberation Front (MILF). However, they are part of a mosaic of actors, among them political strongmen, militants, private militias, and frustrated MILF ex combatants, that are contributing to violence in the region, threatening the success of the peace process. Although the Philippines faces several internal challenges, including Asia's oldest communist insurgency and political violence, Mindanao remains at the forefront of the country's security concerns."



Melalui pendekatan IKWONDAMAI, penyertaan anggota-anggota ABDB dalam mendokong Diplomasi Pertahanan khususnya dalam misi antarabangsa, NBD telah beroperasi selama 10 tahun dalam misi IDB di Mindanao, Republik Filipina. Sehingga hari ini, IDB telah melaksanakan penyahtauliah ke atas 26,132 kombatan MILF, penjagaan 4,625 senjata yang telah dinyahrauliahkan dan pemusnahan 6,893 peluru serta bahan letupan.

Bermula pada tahun 2024, seperti negara-negara ahli lainnya, NBD turut berbangga kerana telah dapat menyumbangkan bantuan tambahan di atas permintaan Pengerusi Badan Lembaga IDB daripada Republic of Tukiye. Selaku lapisan pertama pertahanan, IDB adalah landasan bagi memperkukuh jalinan pertahanan kedua buah negara. Penglibatan kontinjen ke Mindanao merupakan usaha penting bukan sahaja kepada penduduk Mindanao yang telah menghadapi konflik berdekad lamanya malahan ia juga melambangkan komitmen kerajaan NBD kepada kestabilan rantau ini. Penglibatan dalam misi ini juga telah menaiktaraf imej dan kredibiliti negara di mata dunia.

**Penulis:
Kdr Mohammad Zouhdy bin Haji Abdul
Razak, TLDB**



**MARKAS ANGKATAN BERSAMA
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BUNENI**





MALAYSIAN BATTALION 850-10 UNITED NATIONS INTERIM FORCE IN LEBANON (MALBATT 850-10 UNIFIL)



Keadaan di Timur Tengah sejak beberapa tahun kebelakangan ini menjadi lebih tidak stabil berikutan konflik berterusan yang berlaku di beberapa kawasan di rantau itu. Lubnan tidak asing dengan ketegangan dan konflik berterusan yang berkaitan dengan kumpulan bersenjata Hizbullah. Akibat daripada konflik ini, anggota ABDB yang berkhidmat di dalam pasukan pengaman PBB dibawah naungan *Malaysian Battalion (MALBATT)* telah meningkatkan tahap kesediaan dan kesiapsiagaan mereka sekiranya terjadi sebarang kemungkinan yang berlaku dimasa hadapan.



Mej Mohammad Hafizi bin Sabli telah mengetuai Kontinjen Brunei bagi MALBATT 850-11 pada 16 Oktober 2023. Seramai 30 anggota terdiri dari 3 orang pegawai dan 27 lain-lain peringkat telah meneruskan misi pengaman UNIFIL menggantikan Kontinjen MALBATT 850-10.

Cabaran utama sepanjang penugasan kontinjen ini adalah semasa pergolakan yang terjadi antara Palestin-Israel. Oleh kerana konflik antara kedua buah negara ini, pasukan UNIFIL perlu meningkatkan tahap kewaspadaan dan keselamatan di kawasan tanggungjawab operasi dan memastikan hubungan dengan orang awam tidak terjejas. Walau bagaimanapun, kontinjen ini mampu melaksanakan tugas operasi dengan baik semasa situasi tegang tersebut. Selain tugas operasi, aktiviti-aktiviti *Civil Military Coordination (CIMIC)* juga dilaksanakan bagi mewujudkan hubungan baik bersama masyarakat setempat.

Penulis: Mej Mohammad Hafizi bin Sabli - MALBATT 850-11

MALBATT 850-11



MARKAS ANGKATAN BERSAMA
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

PERKASA | PERPADUAN & KERJASAMA 16

MESYUARAT LUAR NEGARA

PENDEDAHAN ISU SEKURITI SEMPADAN DI WORLD BORDER SECURITY CONGRESS 2024



Seramai 400 delegasi dari 70 buah negara terdiri daripada komuniti keselamatan dan perisikan dari seluruh dunia telah hadir dan bersidang selama tiga hari di dewan berprestij tinggi di Republik Turkiye, Hotel Gorion Istanbul. Persidangan tersebut telah dihadiri oleh delegasi dari MAB ABDB yang diketuai oleh Kol (U) Hismawadi bin Mohamad Said, Pemangku Pemerintah AB serta dua pegawai staf iaitu Lt Kol Haji Fadli bin Haji Abdullah dan Kpt (U) Ahmad Farhan bin Haji Mohd Saifulizan.

Objektif utama kongres tersebut adalah bagi menghimpunkan penggubal dasar, profesional keselamatan, pengamal sekuriti dan badan-badan profesional sekuriti antarabangsa dari seluruh dunia untuk membincangkan cabaran secara bersama dan berterusan melalui dialog, pertukaran maklumat dan perkongsian amalan terbaik dalam mempertahankan sempadan global dari pelbagai ancaman semasa.

Penulis: Kpt (U) Ahmad Farhan bin Haji Mohd Saifulizan



ADMM PEACE KEEPING OPERATION

ASEAN DEFENCE MINISTER MEETING (ADMM) ke-17 bagi tahun 2023 membawa tema "Keamanan, Kemakmuran dan Keselamatan". Mesyuarat ini telah menyaksikan kelulusan beberapa dokumen termasuk dua Kertas Konsep, satu Kertas Perbincangan dan kemaskini SOP. NBD turut berkesempatan menyampaikan taklimat mengenai kemajuan dan perkembangan penggubalan kertas strategi "A Future-Ready ADMM and ADMM-Plus: A Strategy Paper", dan mengongsikan hasil bengkel ke-2 yang berlangsung di Bandar Seri Begawan pada bulan Oktober 2023 lalu.

Bagi tahun 2024-2027, Negara Brunei Darussalam bersama dengan Republik Rakyat China akan menjadi Pengerusi Bersama yang baru, iaitu bagi kitaran ke-5 dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN-Plus Kumpulan Kerja Pakar Operasi Pengamanan dan Seminar Wanita, Keamanan dan Keselamatan. Majlis penyerahan jawatan ini telah dihadiri oleh Kol Norsuriati binti Haji Sharbini, Ketua Perundangan Tentera, ABDB selaku Ketua Delegasi, dan Mej Lizawati binti Haji Suhaili, Timbalan Pegawai Turus II Analisa, MAB ABDB.

Penulis: Kpt Abdul Kadir Jalani bin Haji Ahmad



THE 2ND JAPAN-ASEAN CYBER SECURITY TRAINING PROGRAM FOR DEFENCE AUTHORITIES

The 2nd Japan-ASEAN Cyber Security Training Program for Defence Authorities telah diadakan pada 06 hingga 16 November 2023 dengan acara pembukaan rasmi bertempat di Vision Centre, Ichigaya, Chiyoda Tokyo Jepun. Sebanyak 24 peserta mengikuti program ini terdiri daripada negara-negara ASEAN dan Bangladesh, Sri Lanka serta Maldives sebagai negara jemputan.

Unit Pertahanan Siber (UPS), MAB ABDB berpeluang untuk mengikuti program ini yang terdiri daripada pegawai-pegawai UPS iaitu Lt Kol (U) Zainolhizad bin Hj Mohd Zain, Ketua UPS dan Kpt (U) Mohd Zulhaffiz Zariq bin Hj Raneer, Penolong Pegawai Turus Sel Pertahanan.

Penulis: Kpt Zulkahiril bin Mohd Daud



CYBER DIGITAL SERVICE & SECURITY ASIA 2023 (CYBER DSA 2023)

Cyber Digital Service and Security Asia 2023 (CYBER DSA 2023) dan Mesyuarat ASEAN Cyber Defence Network buat julung kalinya diadakan di Convention Centre, Kuala Lumpur dari 15 hingga 17 Ogos 2023. Forum dan pameran ini adalah anjuran Aerosea Exhibitions Sdn. Bhd. dan disokong oleh Cyber Security Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui Defence Cyber and Electromagnetic Division. CYBER DSA 2023 ini telah dihadiri oleh Lt Kol Haji Fadzli bin Haji Abdullah dan Lt Kol Pg Hairul Nizam bin Pg Hj Ali selaku wakil dari Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Acara berprestij Cyber DSA 2023 menjadi lebih lengkap apabila ianya diadakan secara serentak dengan Mesyuarat ACDN yang dihadiri oleh Mej Awg Muhd Ashady bin Haji Awg Mohd Harris dan Haji Muhd Aziz bin Haji Yaakub.

Penulis: Kpt (U) Zulhaffiz Zariq bin Raneer





LATIHAN BERSAMA ANGKATAN SAHABAT



EKSESAIS SOUTHEAST ASIA COOPERATION AND TRAINING SEACAT 23/2023

ABDB telah menyertai EkseSAIS *Southeast Asia Cooperation and Training (SEACAT)* ke-22 yang diadakan bermula pada 14 hingga 25 Ogos 2023. EkseSAIS ini diselenggarakan bersama oleh U.S. Navy's Seventh Fleet, Destroyer Squadron 7 (DESRON 7) dan Tentera Laut Republik Singapura.


EkseSAIS ini direka bagi meningkatkan kerjasama dikalangan negara-negara Indo-Pasifik dan memberikan sokongan bersama kearah menangani krisis geopolitik, kontingensi dan sekuriti maritim yang berkaitan dengan *Maritime Domain Awareness (MDA)* yang menggunakan *Tactics, Techniques and Procedures (TTP)* yang seragam. EkseSAIS ini telah disertai oleh 20 buah negara termasuk Australia, Bangladesh, Brunei, Canada, Filipina, France, Germany, India, Jepun, Malaysia, Maldives, New Zealand, Republik Indonesia, Republik Korea, Republik Singapura, Sri Lanka, Thailand, United Kingdom, United States dan Vietnam.

Penulis: Lt Nur Mahirah binti Haji Abas, TLDB





ABDB buat pertama kalinya telah mengikuti Eksesais *Croix Du Sud (CDS 23)* dengan menghantar dua pegawai selaku pemerhati (*observers*) iaitu Lt Kol Haji Airul Wizam dan Mej Ahmad Bohare bertempat di Noumea, New Caledonia anjuran Angkatan Tentera Perancis (FANC). Eksesais ini bermula 24 April hingga 07 Mei, 2023. *CDS 23* merupakan eksesais ke-10 bersama multinasional skala besar berkonsepkan operasi *HADR* dan *NEO* yang disertai oleh 20 buah negara.




ASEAN Regional Disaster Emergency Response Simulation Exercise 2023 anjuran TNI telah dilaksanakan pada 31 Julai hingga 04 Ogos 2023 di Yogyakarta, Republik Indonesia. ABDB telah menghantar tiga pegawai iaitu Lt Kol (Dr) Isehardy bin Murni dari TDDB dan Mej Haji Muhammad Nasrul Hadi bin Haji Othman dan Mej Haji Md Alihassan bin Haji Japar dari MAB ABDB selaku pemerhati (*observer*) eksesais.



ABDB telah mengambil bahagian sebagai pemerhati dalam Latihan bersama *Super Garuda Shield 2023* Multinasional dari 08 hingga 13 September 2023 yang diwakili oleh Mej Harensuhandy bin Haji Abdullah dan Lt Kdr Muhammad Hakim bin Haji Basman, TLDB. Latihan ini merupakan acara tahunan kerjasama keselamatan teater antara TNI dan *United States Indo-Pacific Command (USINDOPACOM)* bertempat di Banyuwangi, Republik Indonesia.



Lima anggota ABDB terdiri daripada 3 pegawai dan 2 anggota PTB Kanan telah menyertai Eksesais *Table Top (TTX)* dan Eksesais *Field Training (FTX)* bagi *ASEAN Defence Ministers' Meeting Plus Experts Working Group on Humanitarian Assistance and Disaster Relief (ADMM-Plus EWG on HADR)* pada 15 Oktober hingga 20 Oktober 2023 di Yogyakarta, Republik Indonesia. Eksesais ini menumpukan kepada Pelaksanaan Operasi *HADR* semasa pandemik dalam menangani Gempa Bumi dan Tsunami di Yogyakarta dan persekitarannya, sekaligus membangunkan interoperabiliti dalam *HADR* dikalangan negara-negara *ADMM-Plus*. Eksesais ini diwakili oleh Mej Hafidz Naquiyuddin bin Lamat, Mej (U) Pg Mohd Ezul Hazrin bin Pg Hj Zchaini dan Mej Md Rafie bin Abd Wahid bagi *TTX*, dan SSjn Pg Md Norfadillah bin Pg Damit dan Sjn Al-Mu'min bin Bakar bagi *FTX*.



ADMM Plus EWG CYTREX telah berlangsung selama tiga hari, yang melibatkan anggota daripada UPS, MAB ABDB yang diketuai oleh Mej Awg Muhd Ashady bin Hj Awg Mohd Harris bersama dua anggota lain-lain peringkat iaitu Sjn Dk Nooranisah binti Pg Hasmali dan LKpl Nur Aqilah binti Aminarip di South Korea pada 07 Nov hingga ke 09 Nov 2023.





ABDB telah menghantar dua pegawai iaitu Lt Kol (U) Pg Irwandi bin Pg Haji Chuchu dan Mej Khairul Faizin bin Haji Abdul Gapar untuk menghadiri *UN Military Observer Course (UNMO) 2023* yang berlangsung bermula pada 15 April 2023 hingga 21 Mei 2023 bertempat di Canadian Forces Base (CFB) Kingston, Ontario Canada.



Lt Kol (U) Mohd Anwar Shah bin Haji Napiah dan Mej Hafidz Naquiyudden bin Lamat daripada MAB ABDB menyertai *Tempest Express (TE-38) Staff Planning Workshop* bermula dari 20 Jun 2023 hingga 30 Jun 2023 bertempat di Wellington, New Zealand.



Empat pegawai ABDB terdiri daripada Mej Ahmad Bohare, Mej Pg Malik, Kpt Affandi dan Kpt (U) Abd Haadi telah menyertai kursus *Global Peace Operation Initiative (GPOI) KERIS AMAN II* bermula 13 Ogos 2023 hingga 26 Ogos 2023 di Negeri Sembilan, Malaysia. Latihan ini melibatkan 849 peserta yang mewakili dari lebih 23 negara, anjuran bersama oleh Angkatan Tentera Malaysia (MAF) dan *United States Indo-Pacific Command (USINDOPACOM)* di Pusat Pengaman Malaysia, Port Dickson. Latihan *GPOI* bagi tahun 2024 akan dikendalikan di Nepal.



HARI ULANG TAHUN MARKAS ANGKATAN BERSAMA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KE-16



Upacara Perbarisan bagi Sambutan Hari Ulang Tahun MAB ABDB ke-16 telah berlangsung 19 Disember 2023 di Dewan Gerak Badan Baru, Bolklah Garison yang diketuai oleh Mej Ahmad Bohare bin Haji Mansor.

Yang Mulia Pemangku Pemerintah AB ABDB menekankan kepentingan dan tanggungjawab MAB ABDB dalam menyelaraskan operasi ketiga-tiga Angkatan Tentera ABDB dalam mengekalkan keamanan, kesejahteraan dan kedaulatan NBD. Semua lapisan kepimpinan hendaklah berpegang kepada nilai-nilai kepimpinan yang kukuh dan menguatkan semangat setiakawan (*Esprit De Corps*). Yang Mulia Pemangku Pemerintah AB ABDB turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan anggota-anggota MAB ABDB yang telah menyumbang kearah menjadikan MAB ABDB sebagai sebuah unit yang cekap dan berwibawa.

Pennulis: Lt Dk Noor Amal Hazrah binti Pg Harun



MAJLIS MAKAN MALAM PENGHARGAAN BAGI PEGAWAI-PEGAWAI MAB ABDB



Majlis Makan Malam Bagi Mantan Pemerintah Angkatan Bersama

Pegawai-Pegawai Kanan dan Pegawai-Pegawai MAB ABDB telah mengadakan Majlis Makan Malam bagi memperingati jasa mantan Pemerintah AB ABDB iaitu Brig Jen (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin pada 19 Oktober 2023 bertempat di Restoran Area 8 Surf and Turf, One Riverside, Jalan Gadong.

Acara kemuncak ialah penyampaian cenderahati berupa sebuah Buku Kenangan kepada mantan Pemerintah AB dan tayangan video klip untuk mengimbas kenangan dan jasa-jasa mantan Pemerintah AB sepanjang khidmat beliau di MAB ABDB.

Penulis: Lt Dk Noor Amal Hazirah binti Pg Harun



Majlis Makan Malam Sempena Ketna Staf AB Berkursus ke Luar Negara & Bertukaran Pegauni-Pegauni MAB ABDB

Majlis Makan Malam bagi Lt Kol Aldi bin Haji Hassan yang akan berkursus ke luar negara dan bagi pertukaran keluar pegawai-pegawai MAB ABDB iaitu Lt Kol Hairin bin Jafar, Lt Kol Mohamad Hanafi Azami bin Nayan, Lt Kol (U) Mohd Anwar Shah bin Haji Napiah and Mej (U) Pg Mohd Azrin bin Pg Haji Aji diadakan pada 12 Julai 2023 bertempat di The Brunei Hotel, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan.



Majlis Perpisahan Letenan Kolonel Jeremy M. Parrot

Majlis Makan Malam Perpisahan bagi Pegawai Turus Doktrin Bersama Pusat Doktrin dan Peperangan (PDPB), Lt Kol Jeremy M. Parrott. Lt Kol Parrot telah berkhidmat di MAB ABDB buat pertama kali pada 2015 hingga 2016, dan kali kedua pada 2020 hingga 2023. Sepanjang berkhidmat dalam MAB ABDB beliau memainkan peranan yang besar di PDPB iaitu Penerbitan Doktrin Bersama Brunei, Penggubalan *Military Operations Appreciation Process (OMAP)*, penglibatan Eksekutif Hikmat Bersatu 5 dan 6, memelopori *Joint Operations Planning Course (JOPC)* dan Pembukuan Kertas Putih Pertahanan 2021.

Penulis: Lt Nurhamidah Qasrina binti Haji Osman



Majlis Dining In & Out Pegawai-Pegawai MAB ABDB

Majlis Dining In & Out bagi Pertukaran Keluar dan Masuk Pegawai-Pegawai MAB ABDB telah diadakan pada 08 Mac 2024 di *Rizqun International Hotel, The Mall, Gadong, Bandar Seri Begawan*. Majlis diikuti dengan ucapan penghargaan oleh Tetamu Kehormat Majlis kepada enam Pegawai yang diraikan dan enam Pegawai yang baru ditempatkan di MAB ABDB.

Penulis: Lt Kdr Dyg Norlaila binti Haji Awg Harlip, TLDB



LAWATAN-LAWATAN & KUNJUNGAN HORMAT



Lawatan daripada *Vice Admiral Wei Wenhui Deputy Commander Southern Theatre Command People's Liberation Army, Republik Rakyat China* serta rombongan pada 18 Oktober 2023



Lawatan sambil belajar daripada Peserta Kursus Maktab Turus Sesi 14/2024 Akademi Pertahanan ABDB pada 30 April 2024. Rombongan diketuai oleh Lt Kol (U) Awg Muhd Amiruddin bin Haji Awg Tuah, Ketua Juruarah Kursus Maktab Turus, Akademi Pertahanan ABDB. Seramai 37 peserta kursus terdiri daripada 16 pegawai ABDB, 1 pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), 1 pegawai Kementerian Pertahanan dan 18 pegawai daripada luar negara



Lawatan Rasmi daripada *Commodore Michael John Harris Royal Australian Navy (RAN) Commander of the Indo-Pacific Endeavour (IPE 2024)* pada 30 April 2024



Lawatan Rasmi dan Kunjungan Hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Poland ke NBD Tuan Yang Terutama Krzysztof Dobrowolski pada 20 November 2023.

Kunjungan Pengenalan daripada *Captain (N) Hugues Canuel* Atase Pertahanan Canada di Singapura yang diakreditasi ke NBD pada 05 Disember 2023.



Kunjungan Perpisahan daripada *Commander Samuel Kim* Chief Of Defence Operation Cooperation Kedutaan Amerika Syarikat ke NBD serta Kunjungan Pengenalan daripada *Commander Bert Bratton* Atase Pertahanan Amerika Syarikat ke NBD pada 11 Disember 2023

Kunjungan Perpisahan daripada *Colonel Angelo Gerard Ariles* Atase Pertahanan Republik Filipina ke NBD pada 23 Januari 2024



Kunjungan Hormat daripada *Mr Kawano Makoto* The Councillor of the Cabinet Secretariat Director General and Head of the Counter Terrorism Unit of Japan pada 30 Januari 2024

Kunjungan Pengenalan daripada *Lieutenant Colonel Paul Sanderson* Atase Pertahanan Australia ke NBD pada 05 Februari 2024



Kunjungan Pengenalan daripada *Colonel Garry L. Atienza PAF* Atase Pertahanan dan Angkatan Tentera Republik Filipina ke NBD pada 04 Mac 2024

MAJLIS KEAGAMAAN & KEMASYARAKATAN ANJURAN MAB ABDB

SUASANA BULAN SYA'BAN, RAMADHAN & SYAWAL 1445H

Penulis : Mej Mohammad Alihassan bin Haji Japar

MAJLIS SAMBUTAN NISFU SYA'ABAN 1445 HIJRAH

MAB ABDB telah menganjurkan Majlis Sambutan Nisfu Sya'ban 1445 Hijrah diperingkat Kementerian Pertahanan. Majlis ini disambut di Surau Al-Faizun', Berakas Garison dan juga di Surau Ad-difa' Bolkiah Garison pada 24 Februari 2024. Majlis dimulakan dengan menunaikan sembahyang Fardu Maghrib berjemaah, disusuli dengan sembahyang Sunat Hajat berjemaah dan kemudian disemarakkan dengan bacaan Surah Yasin sebanyak tiga kali. Majlis diikuti dengan bacaan doa khas Nisfu Sya'ban 1445 Hijrah dan diakhiri dengan sembahyang Fardu Isyak berjemaah. Majlis malam yang penuh keberkatan dan keistimewaan itu antara lain bertujuan untuk menggalakkan warga Kementerian Pertahanan dan para jemputan yang hadir untuk meningkatkan amal ibadat, memohon keampunan dan keredhaan dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Majlis ini juga diadakan di kesemua Surau Kementerian Pertahanan termasuk Masjid Pulau Baru-Baru.



MAJLIS PENYERAHAN KURMA KURNIA PERIBADI KDYMM BAGI BULAN RAMADHAN TAHUN 1445H / 2024M

MAB ABDB telah mengadakan Majlis Penyerahan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menjelang bulan Ramadhan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi pada 08 Mac 2024.

MENGERATKAN SILATURAHIM DI BULAN RAMADHAN

Sambutan bulan Ramadhan 1445H lebih bermakna kali ini apabila ia mewujudkan kegembiraan dalam kalangan penduduk-penduduk kampung dengan kehadiran Pegawai-Pegawai dan anggota MAB ABDB bagi sama-sama mengimarahkan masjid-masjid di negara ini dengan mengadakan Sembahyang Isya, Sembahyang Sunat Terawih dan Witr berjemaah. Sambutan lebih lengkap lagi apabila berkesempatan bersama penduduk-penduduk kampung bertadarus Al-Quran dan diselajurkan dengan memberikan sedikit sumbangan. Masjid-masjid yang dikunjungi pada tahun ini adalah Masjid Sungai Teraban (Kuala Belait), Masjid Kampung Bukit (Tutong), Masjid Kampong Kupang (Tutong) dan Masjid Kampong Batong (Brunei Muara). Kegiatan ini antara lain bertujuan untuk mengeratkan dan memperpanjangkan hubungan silaturahim dan membangkitkan semangat persaudaraan diantara warga Kementerian Pertahanan dengan penduduk-penduduk kampung.



MAJLIS KEAGAMAAN & KEMASYARAKATAN ANJURAN MAB ABDB



SOLAT TARAWIH DAN TADARUS DI DAERAH TEMBURONG

MAB ABDB yang diketuai oleh Pmk Pemerintah AB, Kol (U) Hismawadi bin Haji Mohammad Said menyertai solat tarawih berjemaah di Masjid Kampung Belais, Temburong pada 20 Mac 2024.



KEMPEN MEMBERSIHKAN TANAH PERKUBURAN ISLAM

Bersempena dengan bulan Ramadhan 1445H, MAB ABDB telah mengunghayahkan kempen kebersihan dan membaca tahlil di Tanah Perkuburan Islam. Kegiatan amal ini adalah merupakan sebahagian daripada aktiviti berkebajikan yang dilaksanakan oleh MAB ABDB pada setiap tahun bagi bertujuan untuk meningkatkan kerohanian terutama sekali di bulan Ramadhan dan seterusnya mengekalkan kerjasama dalam kalangan anggota serta membina semangat untuk sentiasa merasa ikhlas bagi menyumbangkan bantuan tenaga kerja kepada masyarakat lebih-lebih lagi di bulan Ramadan yang penuh berkah.

MAJLIS KEAGAMAAN & KEMASYARAKATAN ANJURAN MAB ABDB

MAJLIS MERAIKAN ANAK-ANAK CEMERLANG ABDB

Penulis: Mej Mohammad Alihassan bin Haji Japar



MAB ABDB telah diamanahkan bagi mempengerusikan Majlis Penganugerahan Anak-Anak Cemerlang ABDB bagi tahun 2021 dan 2022. Majlis ini adalah bagi anak-anak anggota yang telah berjaya mencapai keputusan akademik yang cemerlang. Acara tahunan ini telah sempurna dikendalikan pada 26 Julai 2023 dan 28 Julai 2023 bertempat di Dewan Auditorium, AP ABDB, yang dihadiri oleh Pemerintah ABDB selaku Tetamu Kehormat Majlis.

Seramai 142 anak-anak pegawai dan anggota ABDB bagi tahun 2021 dan seramai 100 orang anak-anak pegawai dan anggota ABDB bagi tahun 2022 telah menerima anugerah kecemerlangan dan penghargaan berupa sijil, wang tunai dan hadiah. Penerima-penerima anugerah terdiri daripada pelajar yang menduduki peperiksaan *GCE 'A' Level*, *GCE 'O' Level*, Sijil Pelajaran Agama Brunei (SPUB), Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) dan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) pada tahun 2021 dan 2022.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk memberi penghargaan kepada anak-anak pegawai dan anggota ABDB yang telah memperolehi pencapaian akademik yang cemerlang. Ia juga sebagai dorongan kepada anak-anak dibawah bimbingan ibu bapa dan penjaga mereka, untuk bersaing dan mencapai prestasi cemerlang dalam peperiksaan.

MAJLIS SENTUHAN KASIH RAMADHAN ANAK-ANAK YATIM ABDB

Penulis: Kpt Nurermah binti Haji Mohd Riduan



Majlis Sentuhan Kasih Ramadhan Anak-anak yatim ABDB adalah aktiviti tahunan yang diungkuhkan oleh ABDB pada bulan Ramadhan bagi mengenang jasa bakti warga ABDB yang telah kembali ke rahmatullah.

Sumbangan tersebut adalah hasil kutipan daripada Tabung Kebajikan ABDB, BAKTI, anggota-anggota dan surau-surau ABDB bagi mengongsikan kegembiraan dan meringankan beban anak-anak yatim dalam membuat persiapan bagi sambutan Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang. Majlis tahun ini dipengerusikan oleh Yang Mulia Mej Ahmad Bohare bin Haji Mansor dari MAB ABDB.

Hadir di majlis tersebut bagi menyampaikan sumbangan ialah Yang Mulia Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan, Pemerintah ABDB dan isteri, Yang Mulia Datin Ummisyafinah binti Haji Zaini, Yang Di-Pertua Badan Kebajikan Isteri-Isteri ABDB (BAKTI).



ACARA SAHUR DAN SAMBUTAN HARI RAYA MAB ABDB

Penulis: Lt Dk Nurul Hidayatul Aqilah binti Pg Ibrahim



ACARA SAHUR PEGAWAI-PEGAWAI MAB ABDB

MAB ABDB turut menyemarakkan bulan Ramadhan 1445H dengan mengendalikan acara sahur bagi pegawai-pegawai MAB ABDB beserta keluarga bertempat di Emperors Courts, Hua Ho Manggis, Serusop. Acara ini secara tidak langsung dapat mengeratkan lagi talian silaturahim di antara pegawai-pegawai.



SUASANA MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 1445H MAB ABDB


Bagi menyempurnakan bulan Syawal 1445H, MAB ABDB telah mengadakan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di bangunan Blok Menara Kementerian Pertahanan. Majlis ini merupakan peluang yang penting bagi mempererat lagi hubungan dikalangan pegawai-pegawai serta anggota-anggota MAB ABDB.



SESI SECARA MAYA BERSAMA MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI & MENTERI PERTAHANAN KEDUA DENGAN ANGGOTA-ANGGOTA ABDB YANG BERTUGAS DI LUAR NEGARA

Penulis: Kpt Abdul Kadir Jalani bin Haji Ahmad

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 1445H/2024M secara maya kepada pegawai-pegawai dan anggota-anggota ABDB yang bertugas di luar negara pada hari Isnin, 08 April 2024.



Semasa sesi tersebut, selain menekankan nilai-nilai kerohanian dan meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala agar terpelihara daripada ancaman dan bahaya serta diberi kekuatan dalam menjalankan tanggungjawab, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II juga menyarankan agar semua pegawai dan anggota melaksanakan tugas dengan ikhlas dan membuat pembaikan dari masa ke semasa. Yang Berhormat Pehin juga menggalakkan pegawai dan anggota untuk meraikan Aidilfitri dengan juga menghayati budaya setempat, selain berkongsi amalan falsafah negara Melayu, Islam, dan Beraja dengan rakan sejawat.





MAJLIS KENAIKAN PANGKAT PTB KANAN & PTB RENDAH

Pemfisc Lt Dk Noor Amal Hazrah Ibtis Pg Husin

MAB ABDB telah mengadakan Majlis Kenaikan Pangkat bertempat di Dewan Koperal Kelab, Bolkiah Garison. Seramai 16 anggota Pegawai Tidak Bertauliah Kanan (PTB Kanan) dan 05 anggota Pegawai Tidak Bertauliah Rendah (PTB Rendah) telah dinaikkan pangkat pada hari Selasa, 31 Okt 2023. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Kol (U) Hismawadi bin Haji Mohammad Said yang seterusnya menyempurnakan penyampaian pangkat kepada penerima-penerima kenaikan dimajlis tersebut.



Sukan



Mendaki Bukit Si Patir bersama KS AB



Larian Pagi di Eko-Koridor



Riadah



Jumaat, 17 November 2023
AN, Kampung Selangan, Temburong



Jumaat, 18 Ogos 2023
PAINT-BALL B&TS, Kompleks Sukan Jerudong





PERKASA



**SEMAKIN RUMIT ISU DI SERANTAU DAN ANTARABANGSA
MENDUGA KESELAMATAN DAN KEDAULATAN NEGARA
KEPADA RAJA KITA TETAP SETIA
DALAM MEMBANTERAS ANCAMAN DI MANA SAHAJA**

**BIARPUN DI DARAT, DI LAUTAN MAHUPUN DI UDARA
PENDEKATAN SEPADU KEKAL DILAKSANA
MENGHARUNGI CABARAN DENGAN GAGAH PERKASA
ITULAH MISI MARKAS ANGKATAN BERSAMA**



NOTA



NOTA









**HAK CIPTA MARKAS ANGKATAN BERSAMA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
TIDAK DIBENARKAN MENGELUAR ULANG MANA-MANA BAHAGIAN ARTIKEL INI DAN ISI KANDUNGAN
MAJALAH INI DALAM APA JUA BENTUK DAN APA JUA CARA SAMA ADA SECARA ELEKTRONIK,
FOTOKOPI, MEKANIK, RAKAMAN ATAU CARA LAIN SEBELUM MENDAPAT IZIN BERTULIS DARIPADA PENERBIT**